

Negara											
No. Tel Rumah	-										
No.Telefon Bimbit	-										
Alamat E-mel											
Nama Syarikat											☐ Majikan Sendiri
No. Tel Pejabat	-										
Jenis Perniagaan											
Pekerjaan											
Jawatan Dipegang											
Jenis Pekerjaan	☐ Majikan ☐ Kakitangan Kerajaan ☐ Pekerja Swasta ☐ Majikan Sendiri ☐ Di Luar Angkatan Buruh										
Pendapatan Tahunan		R M									
Nama Penuh Ibu (Tidak melebihi 30 huruf)											
Hubungan Dengan Ahli Kad Utama:											
☐ Ya, saya ingin menetapkan had kredit untuk Pemohon Kad Tambahan sebanyak RM _____ (minimum RM1,000, dalam gandaan RM500 sahaja)											
☐ Tidak, saya tidak ingin menetapkan had kredit. Pemohon Kad Tambahan akan berkongsi had kredit saya.											

Pengisytiharan

"Saya/Kami, Pemohon Kad Utama dan/atau Pemohon(-pemohon) Kad Tambahan memohon United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ("Bank") untuk mengeluarkan Kad(-kad) Visa dan/atau Mastercard UOB kepada saya/kami. Saya/Kami bersetuju untuk mengikut syarat dan peraturan pengeluaran dan penggunaan kad(-kad) kredit di bawah Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard ("Perjanjian Ahli Kad")(satu salinan yang boleh dilihat di laman web Bank). Saya, Pemohon Kad Utama akan bertanggungjawab di atas segala liabiliti dan perakuan Pemohon Kad Utama dan juga Pemohon Kad Tambahan. Saya, Pemohon Kad Tambahan bagaimanapun, hanya bertanggungjawab kepada bahagian liabiliti dan perakuan milik saya. Saya/Kami mengesahkan bahawa segala maklumat dan dokumen yang terdapat di dalam permohonan ini adalah benar, tepat dan betul dan saya/kami mengizinkan dan membenarkan pihak Bank untuk mengesahkan dan mendedahkan maklumat-maklumat serta dokumen yang diberikan dan mendapat segala maklumat Bank yang berkenaan dan diperlukan dari sebarang institusi kewangan, Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, biro atau pembekal rujukan kredit atau agensi pelaporan kredit dan dari sebarang sumber-sumber berkenaan yang diperlukan. Saya/Kami dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada pihak Bank atau syarikat insurans untuk mendedahkan dari masa ke semasa apa-apa maklumat yang berhubung dengan saya/ka-mi, akaun-akaun saya/kami atau insurans saya/kami (yang telah saya/kami mohon di sini) kepada orang-orang seperti yang disebut dalam fasal 27 Perjanjian Ahli Kad tanpa sebarang notis kepada saya/kami untuk apa-apa tujuan oleh pihak Bank mengikut budi bicara yang disifatkannya perlu atau sesiapa dan bermanfaat serta berkaitan dengan permohonan atau insurans, pendedahan dan pemberian produk dan perkhidmatan. Saya/Kami mengesahkan Kad(-kad) Kredit adalah harta Bank dan wajib dipulangkan sebaik diarahkan. Saya/Kami membenarkan jaringan Kad(-kad) Visa dan/atau Mastercard UOB kepada Pusat Hubungan UOB dan 3D Secure OTP. Saya/Kami telah menerima, membaca dan memahami kandungan helaian pendedahan produk. Saya/Kami membenarkan penghantaran Kad(-kad) Visa dan/atau Mastercard UOB dan Perjanjian Kad Kredit UOB ke alamat surat menyurat saya yang dinyatakan di sini sekiranya permohonan saya diluluskan." Syarat-syarat dikenakan.

Nota Penting:

(i) Penerimaan borang ini tidak mengenakan sebarang tanggungjawab kepada Bank untuk mengeluarkan/memberikan Kad Visa/Mastercard UOB kepada Pemohon (-pemohon) Kad Tambahan. Saya/Kami faham bahawa kelulusan permohonan saya/kami adalah mengikut budi bicara Bank secara mutlak dan Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan tanpa sebarang alasan.

(ii) Sebagai pelanggan Bank, saya/kami mungkin menerima panggilan, sms dan maklumat/kolateral pemasaran tentang produk dan perkhidmatan bagi syarikat-syarikat lain Kumpulan UOB yang tidak diedarkan oleh Bank. Sekiranya saya/kami memilih untuk tidak menerima panggilan atau maklumat/kolateral pemasaran, saya/kami akan mempunyai langkah-langkah untuk menghubungi Pusat Hubungan UOB 03-26128121.

(iii) Saya/Kami akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai perkhidmatan (SST) atau cukai lain atau levi iaitu pada tarikh pengeluaran kad kredit sebagaimana yang dinyatakan dalam borang ini atau penyediaan perkhidmatan oleh bank kepada saya/kami pada sebarang tarikh selepas di atas, dikehendaki oleh undang-undang hendaklah dibayar kepada mana-mana badan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas bank, berkenaan dengan apa-apa wang yang dikenakan atau ditanggung oleh pihak bank, sebagai tambahan kepada semua wang lain yang harus dibayar kepada pihak bank.

(iv) Saya/Kami membenarkan dan bersetuju bahawa apa-apa cukai perkhidmatan (SST) atau cukai lain atau levi yang dikenakan oleh bank berhubung dengan kad kredit seperti yang ditentukan di atas oleh saya/kami atau penyediaan atau perkhidmatan oleh bank kepada saya/kami yang lain, hendaklah ditanggung oleh dan dikenakan kepada saya/kami dan sekiranya bank itu membuat bayaran bagi pihak saya/kami sendiri, saya/kami akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada bank untuk amaun yang telah dibayar.

(v) Saya/Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan dan kandungan salinan faks/e-mel salinan imbasan borang permohonan ini yang diterima oleh Bank hendaklah dianggap sebagai yang asal, untuk semua tujuan termasuk untuk mana-mana tujuan prosiding undang-undang, dan salinan borang permohonan tersebut hendaklah inklusif, sah dan mengikat. Tanpa menjejaskan kenyataan sebelumnya, saya/kami hendaklah menyimpan borang permohonan asal yang ditandatangani setiap masa dan mengemukakan kepada Bank sekiranya diminta.

(vi) Saya/kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami mempunyai akses kepada dan telah membaca versi terkini Notis Privasi UOB (yang boleh didapati di cawangan dan laman web UOB [https://www.uob.com.my]). Saya/Kami memahami bahawa Notis Privasi (sepertimana yang dipinda dari semasa ke semasa) merupakan sebahagian daripada terma dan syarat yang mentadbir hubungan kami dengan UOB Malaysia dan bersetuju untuk terikat dengannya. Saya/Kami selanjutnya memahami dan bersetuju untuk memberikan salinan Notis Privasi yang dikeluarkan oleh Bank yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan mana-mana Data Peribadi, kepada individu yang Data Peribadinya saya/kami berikan kepada Bank.

(vii) Saya/Kami bersetuju dan mengesahkan bahawa apa-apa rekod dan maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada tandatangan saya/kami dalam permohonan ini boleh digunakan untuk pembukaan mana-mana akaun peribadi lain dengan Bank dan permohonan kad debit melalui Internet Peribadi Perbankan dan pengendalian akaun peribadi sedemikian dan penggunaan kad debit sedemikian.

(viii) Pendedahan kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga

a) Saya/Kami mengizinkan Bank memberikan maklumat mengenai saya/kami (terhad setakat nama, nombor telefon, alamat e-mel dan alamat) kepada pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Bank bagi tujuan melaksanakan kempen atau kolaborasi bersama Bank (termasuk penghantaran hadiah yang berkenaan (jika ada) kepada anda.

Saya/Kami mengakui dan memahami bahawa kegagalan untuk memberikan persetujuan sebagai yang diperlukan di atas akan menyebabkan Bank tidak dapat menampung pemenuhan hadiah kepada saya/kami.

☐ Ya
 ☐ Tidak

b) Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat (tidak termasuk butiran perbankan/hal ehwal perbankan saya) yang saya/kami telah berikan, kepada peniaga pihak ketiga yang diberi kuasa oleh Bank, entiti lain dalam Kumpulan UOB atau rakan kongsi strategik perniagaan untuk pemasaran, tujuan promosi dan/atau jualan silang.

☐ Ya ☐ Tidak

c) Saya/Kami dengan ini memberikan persetujuan dan bersetuju terhadap penggunaan oleh Pihak Bank ke atas sebarang rekod dan maklumat di bawah borang permohonan ini (termasuk nombor telefon bimbit, nombor kad pengenalan ("Maklumat")), tanpa mengira keputusan permohonan ini, bagi tujuan analisis untuk penilaian dan inferens masa hadapan bagi meningkatkan pengalaman pelanggan ("Tujuan"). Selanjutnya, saya/kami juga memberikan persetujuan kepada Pihak Bank untuk mendedahkan Maklumat tersebut kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Bank (contohnya CTOS) bagi Tujuan yang dinyatakan di atas, dan untuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga tersebut mendedahkan hasil analisis kepada Pihak Bank.

☐ Ya ☐ Tidak

d) Saya/Kami dengan ini mengizinkan dan membenarkan Pihak Bank untuk mendedahkan maklumat-maklumat peribadi saya/kami yang terhad kepada nama, nombor kad pengenalan (NRIC), nombor telefon dan alamat kediaman kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh pihak Bank bagi tujuan mendapatkan dan/atau mengesahkan maklumat kredit/pendapatan saya/kami dengan agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Selanjutnya, saya/ kami juga mengizinkan dan membenarkan agensi kerajaan (contohnya PERKESO) untuk mendedahkan maklumat saya/ kami kepada penyedia perkhidmatan Bank bagi kegunaan pihak Bank berhubung dengan permohonan kad kredit saya.

Saya/Kami mengesahkan dan memahami bahawa kegagalan untuk memberikan kebenaran seperti yang dinyatakan di atas boleh menjejaskan keupayaan pihak Bank untuk mengesahkan sepenuhnya maklumat yang dikemukakan, yang mungkin menyebabkan permohonan saya/ kami ditolak.

☐ Ya ☐ Tidak

☐ Saya/Kami faham bahawa pada bila-bila masa pada masa hadapan, sekiranya saya/kami berhasrat untuk menarik balik persetujuan saya/kami, saya/kami boleh mengemukakan permintaan di mana-mana cawangan UOB atau melalui e-mel kepada uobcustomerservice@uob.com.my (atau lain-lain alamat yang dimaklumkan oleh Bank).

Sebelum anda mengakui menerima dan/atau menggunakan Kad Visa/Mastercard yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd, sila baca dengan teliti Terma dan Syarat yang terkandung di bawah Perjanjian Ahli Kad Visa/Mastercard UOB, yang akan dihantar dengan Kad Visa/Mastercard. Sila layari laman web kami **www.uob.com.my** untuk senarai penuh dan terperinci semua caj kami.

Tandatangan Ahli Kad Utama

Tarikh Permohonan (Wajib Diisi)

- -

Tandatangan Pemohon Kad Tambahan Pertama

Tarikh Permohonan (Wajib Diisi)

- -

Tandatangan Pemohon Kad Tambahan Kedua

Tarikh Permohonan (Wajib Diisi)

- -

Untuk Kegunaan Bank Sahaja

Untuk Kegunaan Cawangan/MST/TMK

Diperkenalkan dan/atau Dilengkapkan Oleh

Komen

Nama

Tandatangan

Jawatan

Tarikh

Tel/Talian

No. Pekerja

Bhg/Jab/Cawangan

Kod Sumber

Koleksi Kad (Kod Cawangan)

(pilihan)

Disemak Oleh

Komen

Nama

Tandatangan

Jawatan

Tarikh

MNC/GLC/PLC

☐ Ya

☐ Tidak

☐ Not Applicable (NA)

Sumber Permohonan

☐ Bersemuka

☐ Tidak Bersemuka

(Penggunaan Telemarketing sahaja)

(Untuk aplikasi bersemuka, anda mesti memilih salah satu di bawah)

☐ Tapak Pameran: Lokasi: _____ Bulan: _____

☐ Lawatan ke Pejabat/Syarikat Tarikh Lawatan: _____

☐ Rujukan: Nama: _____

☐ Lain-lain: _____

(Sila nyatakan: contohnya walk-in, saudara, kawan, dll.)



Right By You

Helaian Pendedahan Produk

Kad Kredit/Kad Komersial (__ / __ / ____)

Helaian Pendedahan Produk (Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda memutus untuk memohon Kad Kredit atau Kad Komersial UOB. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am)	United Overseas Bank (M) Bhd Kad Kredit/Kad Komersial
--	---

1. Apakah Produk ini?

Kad Kredit – Ini adalah kemudahan kredit tanpa cagaran yang disediakan oleh bank kepada anda bersama dengan kad plastik. Kad kredit boleh digunakan untuk membayar apa-apa barangan dan perkhidmatan di kedai pedagang atau untuk mengeluarkan tunai melalui Pendahuluan Tunai daripada kemudahan ATM. Jenis kad yang disediakan ialah:

- | | | | |
|--|------------------------------------|---|-------------------------------|
| 1. Kad Visa Infinite Metal | 6. Kad PRVI Miles Visa | 11. Kad ONE Platinum Visa | 15. Kad Preferred Mastercard |
| 2. Kad Privilege Banking Visa Infinite | 7. Kad Lady's Solitaire Mastercard | 12. Kad ONE Visa | 16. Kad Lazada UOB Mastercard |
| 3. Kad Visa Infinite | 8. Kad Lady's Platinum Mastercard | 13. Kad Platinum Business Visa (Liabiliti Peribadi) | 17. Kad EVOL Visa |
| 4. Kad Zenith Mastercard | 9. Kad Lady's Mastercard | 14. Kad Platinum Business Mastercard (Liabiliti Peribadi) | 18. Kad Simple Visa |
| 5. Kad PRVI Miles Elite Mastercard | 10. Kad World Mastercard | | 19. Kad Basic Visa |

Kad Komersial – Program kad kredit yang memudahkan syarikat menguruskan perbelanjaan perniagaan dengan lebih baik. Jenis kad yang disediakan ialah:

- Kad Perniagaan – ditawarkan kepada ahli perniagaan di bawah segmen runcit/IKS/PKS sebagai suatu pilihan yang menjimatkan masa dan kos berbanding kaedah bayaran tradisional. Kad ini mengasingkan perbelanjaan syarikat dan peribadi dan memusatkan semua perbelanjaan perniagaan seperti perjalanan dan hiburan, premium insurans, perbelanjaan petrol dan bil telefon mudah alih dalam satu kad dan juga meningkatkan aliran tunai. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Platinum Visa Business, Kad Platinum Business Mastercard dan Kad World Business Mastercard.
- Kad Korporat – ditawarkan kepada syarikat tersenarai awam/syarikat korporat tempatan dan multinasional besar/badan berkanun bagi memudahkan pengurusan perbelanjaan perjalanan dan hiburan. Ia merupakan tempat sehati yang menggabungkan semua perbelanjaan dan maklumat perjalanan dan hiburan pengguna kad supaya perbelanjaan dapat diuruskan dengan lebih berkesan apabila syarikat menerima maklumat yang digabungkan bagi semua perbelanjaan perjalanan dan hiburan. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Korporat Visa dan Kad Korporat Mastercard.
- Kad Pembelian – kad pembayaran/perolehan/kredit yang ditawarkan kepada semua segmen perniagaan untuk pembayaran perbelanjaan perniagaan seperti bil utiliti (contohnya, telefon, elektrik), majlis perbandaran, premium insurans, perbelanjaan perjalanan (contohnya, tiket penerbangan, tempahan hotel, sewa kereta), bekalan pejabat (contohnya, langganan surat khabar & majalah, alat tulis, perkakasan/perisian/penyelenggaraan komputer) dan penyedia perkhidmatan pejabat (contohnya, syarikat kurier, perkhidmatan setiausaha syarikat dan undang-undang, pembersih pejabat). Ia menggantikan pesanan pembelian dan proses pembayaran tradisional untuk barangan bernilai rendah yang mempunyai volum tinggi. Ia adalah penyelesaian perolehan 'perniagaan ke perniagaan' inovatif yang memudahkan pengesahan di samping menyediakan pembayaran dan penyelesaian. Ia juga dapat mengurangkan masa dan kos yang berkaitan dengan pembayaran barangan dan perkhidmatan 'perniagaan ke perniagaan' tidak langsung dengan menghapuskan pesanan belian berasaskan kertas dan juga memproseskan invois. Ia merupakan cara yang mudah untuk menguruskan perolehan dan membolehkan vendor dibayar tepat pada masanya sambil meningkatkan keupayaan pelanggan untuk memberi tumpuan kepada perniagaan teras. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Pembelian Visa dan Kad Pembelian Mastercard.

2. Apa yang boleh saya peroleh daripada produk ini?

- Had Kredit**
Kad Kredit – Tertakluk kepada kelulusan bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh di mana Caj Kewangan tidak perlu dibayar ialah 20 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tidak ada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.
- Kad Komersial** – Tertakluk kepada kelulusan bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh di mana Caj Kewangan tidak perlu dibayar ialah 30 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.

		Kadar tahunan	
Caj Kewangan	Pembelian	15% setahun (Bermula 1 April 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 12 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.
		17% setahun (Bermula 1 Mei 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 10 bulan atau 11 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.
		18% setahun (Bermula 1 Mei 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 9 bulan atau kurang daripada 9 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.
	Pendahuluan Tunai	18% setahun	Dikira pada dasar baki harian dari tarikh tunai dikeluarkan sehingga tarikh pembayaran penuh.
	Pemindahan Baki	18% setahun	Kadar Pemindahan Baki adalah mengikut dasar promosi. Caj kewangan lazimnya sebanyak 18% setahun akan dikira atas baki tertunggak yang belum dibayar selepas tamatnya tempoh promosi.

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus melakukan sekurang-kurangnya 10 pembayaran tepat pada masanya sepanjang 12 bulan yang lepas. Caj kewangan mungkin akan terus dikenakan sehingga bayaran anda dianggap telah diterima oleh kami.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Pembayaran bulanan minimum	5% daripada baki tertunggak atau minimum RM50.00 (yang mana lebih tinggi); dan - keseluruhan jumlah ansuran bulanan kontrak bagi mana-mana Pelan Easi-Payment, Pelan Pembayaran Ansuran dan/atau Pemindahan Baki; dan - ansuran pinjaman berjangka bulanan kontrak untuk sebarang Penukaran Baki Automatik (ABC); dan - bayaran minimum belum dibayar yang lain daripada Penyata Akaun sebelumnya, tertakluk kepada jumlah minimum RM50.00
Tempoh bebas faedah	- Untuk transaksi runcit kad kredit – 20 hari dari tarikh penyata, jika anda membayar baki secara penuh dan tepat pada masanya. Bagi Kad Komersial (Liabiliti Syarikat dan/atau Liabiliti Peribadi), tempoh bebas faedah ialah 1 bulan kalendar tarikh penyata, termasuk tempoh tangguh. - Jika anda tidak membayar secara penuh dan tepat pada masanya, caj kewangan atas transaksi runcit akan dikira dari tarikh masuk transaksi. - Tempoh bebas faedah tidak boleh digunakan untuk pemindahan baki atau pendahuluan tunai.

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang ditanggung oleh pemegang kad tambahan.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

1. Fi Tahunan				Perbelanjaan tahunan untuk pengecualian caj fi tahunan (* Bermula Jan 2026)
Kad Kredit	Jenis Kad	* Utama (RM)	* Tambahan (RM)	
	Kad UOB Visa Infinite Metal ¹	3,000.00	800.00	Tidak termasuk
	Kad UOB Privilege Banking Visa Infinite	600.00	300.00	Percuma ⁴
	Kad UOB Visa Infinite	600.00	300.00	50,000
	Kad UOB Zenith ¹	1,000.00	-	Tidak termasuk
	Kad UOB PRVI Miles Elite	600.00	-	50,000
	Kad UOB PRVI Miles	198.00	30.00	20,000
	Kad UOB Lady's Solitaire	300.00	30.00	50,000
	Kad UOB Lady's Platinum	128.00	30.00	20,000
	Kad UOB Lady's	68.00	30.00	15,000
	Kad UOB World	600.00	150.00	50,000
	Kad UOB ONE Platinum	195.00	100.00	20,000
	Kad UOB ONE	120.00	60.00	15,000
	Kad UOB Platinum Business ³ (Liabiliti Peribadi)	150.00	-	24,000
	Kad UOB Preferred	198.00	30.00	20,000
	Kad Lazada UOB	100.00	70.00	20,000
	Kad UOB EVOL ²	90.00 (7.50/sebulan)	30.00	Tidak termasuk
	Kad UOB Simple	-	-	Percuma
	Kad UOB Basic	-	-	Percuma

* SST sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit pada dasar tahunan.

¹ Perbelanjaan tahunan tanpa caj fi tahunan tidak dikecualikan untuk UOB Visa Infinite Metal Card dan UOB Zenith Card.

² RM7.50 untuk kad EVOL Visa akan dikecualikan selepas satu (1) transaksi runcit dilakukan setiap bulan penyata.

³ Fi tahunan bagi Kad Platinum Business akan dikecualikan bagi dua (2) tahun pertama. Untuk tahun berikutnya, Fi dikecualikan apabila berbelanja sebanyak RM24,000 dan ke atas setahun.

⁴ Caj Fi Tahunan dikecualikan untuk pelanggan Perbankan Privilege UOB sahaja.

Kad Komersial (Liabiliti Syarikat dan/atau Liabiliti Peribadi)

Kad Platinum Business Kad Korporat Kad Pembelian	Fi Tahunan ialah RM150 setiap tahun, dikecualikan untuk dua (2) tahun pertama dan dikecualikan apabila berbelanja sebanyak RM 24,000 dan ke atas setahun*
Kad World Business Mastercard	Fi Tahunan ialah RM388 setiap kad dan dikecualikan untuk tahun pertama (1). • Untuk tahun-tahun berikutnya, Fi Tahunan akan dikecualikan secara automatik mengikut struktur perbelanjaan kad berikut: • Pengecualian 100% untuk perbelanjaan tahunan RM50,000 dan ke atas.

* Bermula 1 September 2018, SST sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit pada dasar tahunan.

2. Fi Pendahuluan Tunai**	Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026, Fi Pendahuluan Tunai 0.37% akan dikenakan bagi setiap pengeluaran Pendahuluan Tunai. Tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.
3. Fi Penggantian Kad (disebabkan kehilangan, kecurian atau kerosakan kad)	- Kad Kredit UOB (kecuali Kad Visa Infinite Metal): RM15.00 bagi setiap kad. - Kad UOB Visa Infinite Metal: RM500.00 bagi setiap kad.
4. Fi Salinan Cetak Penyata** (Dari 20 Ogos 2021)	RM2 bagi setiap salinan cetak penyata setiap bulan.
5. Fi Permintaan Penyata Tambahan**	- Pengambilan sendiri di cawangan: RM1.00 bagi setiap penyata bulanan. - Penghantaran melalui pos biasa: RM2.50 bagi setiap penyata bulanan.
6. Fi Penukaran Transaksi Luar Negara	Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk transaksi dalam mata wang asing, ia akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada tarikh transaksi diterima dan diproses oleh UOB dan/atau Visa/MasterCard International. Transaksi dalam mata wang asing selain Ringgit Malaysia akan ditukar berdasarkan kadar pertukaran asing semasa UOB dan/atau kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa/MasterCard International. Kadar pertukaran ini tertakluk kepada caj pentadbiran sehingga 1.22% yang dikenakan oleh Visa/MasterCard International dan tambahan 1.00% caj penukaran mata wang asing yang akan dikenakan oleh UOB ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang telah ditukar, atau kadar lain yang ditentukan oleh UOB.
7. Fi Perkhidmatan Dynamic Currency Conversion (DCC)**	Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk transaksi pada peniaga luar negara dan memilih untuk membayar dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian dalam talian yang disebut dalam mata wang asing), anda menggunakan perkhidmatan Dynamic Currency Conversion (DCC). Apabila menggunakan perkhidmatan DCC, kadar pertukaran yang digunakan oleh peniaga di luar negara mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa/MasterCard International apabila anda membayar dalam mata wang asing. Di samping itu, fi sebanyak 1% akan dikenakan ke atas jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar.
8. Fi Melebihi Had	Tidak berkaitan
9. Cukai Perkhidmatan	RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit utama dan tambahan (termasuk kad fizikal dan maya) pada tarikh kelulusan, dan seterusnya pada tarikh ulang tahun setiap kad.

**8% Cukai Perkhidmatan akan dikenakan

5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Caj bayaran lewat: Minimum RM10.00 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak tidak termasuk Caj dan yuran Kewangan pada Tarikh Penyata (yang mana lebih tinggi), maksimum RM100.00.⁴
- Hak Penyelesaian: Kami berhak untuk menolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini.
- Anda bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:
 - bertindak dengan cara yang melibatkan penipuan, atau
 - lewat memaklumkan kami dengan secepat mungkin setelah mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda, atau
 - mendedahkan PIN anda secara sukarela kepada orang lain, atau
 - merekodkan PIN anda pada kad kredit, atau pada apa-apa yang berdekatan dengan kad kredit anda.
- Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:
 - bertindak dengan cara yang melibatkan penipuan, atau
 - lewat memaklumkan kami dengan secepat mungkin setelah mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda, atau
 - meninggalkan kad kredit atau item yang mengandungi kad kredit anda tanpa diawasi di tempat yang dapat dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - membenarkan orang lain secara sukarela untuk menggunakan kad kredit anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit, kami berhak untuk membatalkan kad anda.
- 4 Tidak berkenaan untuk Kad UOB Simple.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan baki tertunggak dengan sepenuhnya sebelum tarikh matang? (Untuk Pelan Ansuran Kad Kredit atau Pelan Pemindah Baki)

Kad Kredit / Kad Komersial (digunakan HANYA untuk Liabiliti Peribadi Kad Komersial)

- Tempoh terkunci: Tiada tempoh terkunci
- Penalti penyelesaian awal:
 - Pelan Flexi Credit - sehingga 5% daripada jumlah prinsipal tertunggak
 - Pelan Easi-Payment - sehingga 5% daripada jumlah prinsipal tertunggak
 - Penukaran Baki - sehingga 5% daripada jumlah prinsipal tertunggak
 - Pelan Pemindahan Baki - Tiada penalti penamatan awal

7. Apakah risiko utama?

- Jika anda hanya membayar jumlah minimum, ia akan mengambil masa lebih lama dan mempunyai kos lebih tinggi untuk menyelesaikan baki tertunggak. Pertimbangkan keupayaan pembayaran balik anda apabila menggunakan kad kredit.
- Jika anda menggunakan kad kredit anda untuk pembayaran balik kemudahan pembiayaan lain, anda mungkin perlu membayar kos yang lebih tinggi.
- Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik.
- Anda perlu memaklumkan kami dengan serta-merta setelah mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran bagi kad kredit anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan alamat surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad, sila rujuk kepada buku kecil banking info tentang 'Kad Kredit', yang boleh didapati di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: **United Overseas Bank (Malaysia) Bhd**
Tel : Kuala Lumpur: 03-26128121 Pulau Pinang: 04-2401121 Johor Bahru: 07-2881121 Kuching: 082-287121 Kota Kinabalu: 088-477121
Faks : 03-26900121 Email : uobcustomerservice@uob.com.my

10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai masalah pembayaran balik, sila hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk menyediakan perkhidmatan percuma bagi pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Tingkat 5&6, Menara Aras Jaya, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur atau cari cawangan terdekat di <https://www.akpk.org.my/branches>.
Talian Hotline: 03-2616 7766 **E-mel:** enquiry@akpk.org.my **Laman Web:** <https://www.akpk.org.my/contact-us>
Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi kami di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), 088-477 121 (Kota Kinabalu) atau sila kunjungi mana-mana cawangan UOB.
Jika pertanyaan atau maklum balas anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK Bank Negara Malaysia (BNMLINK) (Hanya melalui temu janji sahaja) di 4th Floor, Podium, AICB Building, No. 10, Jalan Dato Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 **Borang Web(eLink):** <https://bnmlink.bnm.gov.my/> atau **Laman Web:** www.bnm.gov.my

11. Produk kad kredit lain yang disediakan

- Penukaran Baki Automatik
- Pemindahan Baki
- Pelan Flexi Credit
- Pendahuluan Tunai
- Pelan Easi-Payment
- Pelan Bayaran Ansuran
- Credit Shield Plus

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MELAKUKAN PEMBAYARAN BALIK PADA BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada Januari 2026.